

1. Pengenalan

Garis panduan ini disediakan untuk rujukan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengenai tatacara pengendalian kes plagiat yang melibatkan:

- hasil kerja akademik dari aktiviti pengajaran dan pembelajaran, serta
- penerbitan yang dihasilkan dari aktiviti penyelidikan yang dijalankan di atas nama Universiti. Penerbitan oleh staf akademik (tanpa penglibatan calon) yang disyaki mempunyai elemen plagiat hendaklah dirujuk kepada Unit Integriti.

2. ¹Skop dan Pemakaian

(1) Garis Panduan ini terpakai kepada:

- Pelajar/calon semua tahap pengajian, termasuk mereka yang telah menamatkan pengajian, dan
- Staf akademik dan penyelidik yang sedang berkhidmat dan telah tamat berkhidmat dengan Universiti.

(2) Garis Panduan ini akan menjadi sumber rujukan apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik berkaitan dengan plagiat.

3. Dokumen Rujukan

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan:

- (1) Kod Etika Universiti Malaya (versi terkini);
- (2) Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya semua tahap pengajian (versi terkini);
- (3) *Guidelines for the Preparation of Research Project, Dissertation and Thesis, 2017*;
- (4) Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Salah Laku, Unit Integriti (versi terkini);
- (5) *University of Malaya Policy on Authorship* (versi terkini);

¹ Dasar Universiti Sains Malaysia Terhadap Ciplakan, USM

- (6) Prosedur Kerja Pengendalian Pelucutan Ijazah, Diploma, Sijil dan Kepujian Akademik Lain Yang Telah Dianugerahkan Kepada Siswazah Universiti Malaya Atas Alasan Plagiat, dan
- (7) Apa-apa ketetapan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

4. Definisi Plagiat Dalam Kod Etika Universiti Malaya

*Penjiplakan (Plagiat) merupakan penipuan akademik yang berpunca dari sikap berdusta, tidak ikhlas, tidak amanah, tidak jujur dan tidak menghormati sesama rakan kesepakaran. Plagiat berlaku apabila idea orang lain diambil tanpa menyebut sumbernya, dan dengan itu memberi kesan bahawa idea itu idea sendiri. Keadaan ini boleh berlaku apabila:

- (1) idea seseorang, diambil kata demi kata dari artikel atau buku yang sudah diterbitkan.
- (2) Idea seseorang dari artikel atau buku diambil dengan menggunakan kata-kata sendiri.
- (3) Idea seseorang diambil dari perbincangan sama ada dalam persidangan, seminar, forum, ceramah atau perbincangan tak formal antara dua pihak.
- (4) Data, diagram, jadual, gambar foto atau apa juga bahan ilustrasi yang berasal dari orang lain diambil seolah-olah kepunyaan diri sendiri.

5. Perlakuan Plagiat

- (1) Perlakuan plagiat merujuk kepada perbuatan seseorang mengguna idea orang lain tanpa menyebut sumbernya. Antara perlakuan plagiat termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan di bawah:
 - (a) membenteng hasil kerja atau data penyelidikan orang lain sebagai hasil kerja sendiri.
 - (b) ²Mengguna konsep kerja kajian orang lain, hasil ujikaji, hasil dapatan analisis, kesimpulan atau rumusan atau hujah/pernyataan tanpa merujuk atau memberi perakuan kepada pencetus idea asal.
 - (c) ²Meniru sebahagian atau keseluruhan kerja tanpa rujukan sewajarnya termasuk perkara berikut:
 - teks bertulis;
 - struktur dalam teks;
 - rajah;

* Kod Etika Universiti Malaya

² Academic Integrity Policy, Victoria University Policy Library.

- formula;
- fail bunyi (*sound files*);
- *still photographs*;
- bahan audio-visual (bunyi dan fail gambar);
- grafik / animasi / objek multimedia;
- perisian dan kod, termasuk produk atau kod yang diubahsuai;
- bahan lain berasaskan komputer;
- bukti matematik;
- objek seni;
- artifak praktikal (contohnya *apprenticeship pieces*);
- kerja lain yang relevan.

(2) Apa-apa perbuatan lain yang pada pendapat Pihak Berkuasa Universiti tergolong di dalam perlakuan ciplakan dan penipuan.

6. Pelaku Plagiat

Mana-mana individu (pelajar/calon atau staf Universiti) yang sedang dan/atau telah menghasilkan kerja berkaitan akademik dan penyelidikan yang mempunyai elemen plagiat.

7. Indeks Persamaan

Pihak PTj boleh menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana individu yang didapati hasil kerja akademik dan/atau penerbitan mempunyai indeks persamaan antara 10% hingga 30%. Hasil kerja akademik adalah termasuk tesis / disertasi semasa penyerahan (*upon submission*). Dalam keadaan tertentu, PTj boleh menetapkan peratus indeks persamaan untuk disiplin masing-masing yang tidak melebihi peratusan seperti yang telah ditetapkan di atas.

Dalam menetapkan peratus indeks persamaan bagi bidang pengajian masing-masing, PTj perlu mempertimbang dan menetapkan had peratusan bagi setiap kriteria berikut:

- (1) termasuk / tidak termasuk petikan (*include / exclude quotes*);
- (2) termasuk / tidak termasuk bibliografi (*include / exclude bibliography*), dan
- (3) termasuk / tidak termasuk sumber kecil (boleh dilakukan sama ada melalui bilangan atau peratusan perkataan) [*include / exclude small sources (can be either by word count or percentage)*].

8. Aduan

Mana-mana pihak boleh membuat aduan terhadap apa-apa hasil kerja akademik dan/atau penerbitan yang disyaki mempunyai elemen plagiat. Aduan hendaklah dibuat dengan mengisi borang **Aduan Kes Plagiat** (rujuk Lampiran 1) atau apa-apa mekanisme lain yang bersesuaian dan diserahkan kepada Ketua PTj.

9. Proses Pengendalian Kes Plagiat

Proses pengendalian kes plagiat boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu hasil kerja akademik dan penerbitan dari hasil penyelidikan yang sedang atau telah dibuat oleh pelajar/calon dan/atau staf.

(1) Hasil Kerja Akademik

(a) Hasil kerja kursus pelajar/calon bagi penilaian kursus

- (i) Hasil kerja merujuk kepada kerja yang disediakan secara persendirian dan/atau secara berkumpulan dalam bentuk tugas, kertas projek, rekabentuk, program komputer, laporan makmal/laporan penyelidikan dan lain-lain. Laporan Projek Penyelidikan juga diambilkira di bawah kategori ini.
- (ii) Ketua PTj yang menerima borang Aduan Kes Plagiat hendaklah mengemukakan kepada pensyarah kursus berkenaan dengan segera.
- (iii) Pensyarah kursus berkenaan hendaklah mengemukakan laporan kepada Ketua PTj dalam tempoh satu (1) minggu dengan mengisi **Laporan Plagiat** (rujuk Lampiran 2) mengenai hasil kerja yang telah dilakukan oleh pelajar/calon.
- (iv) Setelah menerima laporan plagiat, Ketua PTj hendaklah mengemukakan surat tunjuk sebab kepada pelajar/calon dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penerimaan laporan jika hasil kerja kursus berkenaan mempunyai elemen plagiat yang melebihi peratus indeks persamaan bagi PTj. Sekiranya tiada elemen plagiat atau tidak melebihi peratus indeks persamaan yang dibenarkan bagi PTj, Ketua PTj hendaklah memaklumkan pengadu keputusan tersebut.
- (v) Pelajar/calon perlu memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penerimaan surat tunjuk sebab.
- (vi) Setelah Ketua PTj menerima maklum balas daripada pelajar/calon, **Jawatankuasa Siasatan Plagiat** (JKSP) PTj perlu dibentuk (rujuk Lampiran 3 - keanggotaan dan terma rujukan JKSP).
 - (A) Jika plagiat dapat dibuktikan, JKSP hendaklah membuat keputusan sama ada memberi markah sifar (0) atau merujuk pelajar/calon tersebut kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.
 - (B) Jika plagiat TIDAK dapat dibuktikan, JKSP perlu memaklumkan Ketua PTj. Ketua PTj hendaklah meminta pensyarah berkenaan memeriksa semula kerja atau tugas yang telah dikemukakan dan memberikan markah sewajarnya.
- (vii) Laporan JKSP hendaklah dikemukakan kepada Ketua PTj selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh penerimaan laporan plagiat.

(viii) Keputusan JKSP hendaklah dimaklumkan oleh Ketua PTj kepada pelajar/calon dan pengadu. Sekiranya kesalahan plagiat dapat dibuktikan, ia perlu dilaporkan dalam mesyuarat PTj.

(ix) Pelajar/Calon boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan mesyuarat PTj. Rayuan perlu dikemukakan kepada JK Rayuan Tatatertib Pelajar dan disalinkan kepada Ketua PTj.

(b) Pemeriksaan Disertasi/Tesis

(i) Bagi calon ijazah tinggi yang mengemukakan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan, sekiranya pemeriksa mengesyaki kerja tersebut mengandungi unsur-unsur plagiat, pemeriksa dikehendaki mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Pemeriksa

Laporan mengenai perbuatan yang disyaki plagiat hendaklah dibuat di dalam borang laporan pemeriksaan tersebut beserta dengan bukti sumber asal yang telah di plagiat.

(ii) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah menyiasat laporan yang diterima. Bagi disertasi/tesis, Jawatankuasa Pemeriksa boleh mendapatkan penjelasan daripada calon semasa *viva voce*. Bagi PTj yang tidak mengamalkan *viva voce*, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mengemukakan surat tunjuk sebab kepada calon berkenaan bagi mendapatkan penjelasan bertulis mengenai laporan yang diterima.

(iii) Jika Jawatankuasa Pemeriksa memerlukan penyiasatan lebih lanjut dijalankan, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah merujuk laporan tersebut kepada Jawatankuasa Khas Siasatan (JKKS) yang ditubuhkan oleh Ketua PTj (rujuk Lampiran 4).

(iv) JKKS hendaklah menyiasat laporan yang diterima dan mengemukakan surat tunjuk sebab kepada calon yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan. Laporan dan perakuan JKKS hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemeriksa dalam tempoh dua (2) bulan untuk pertimbangan dan keputusan.

Sekiranya plagiat dapat dibuktikan, Jawatankuasa Pemeriksa mempunyai kuasa untuk memutuskan seperti di perenggan di bawah;

(aa) Jika plagiat dapat dibuktikan, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memutuskan sama ada calon berkenaan diberi keputusan kajian lanjut atau digagalkan. Jawatankuasa Pemeriksa boleh merujuk calon berkenaan kepada Jawatankuasa Tatatertib Universiti mengikut kesesuaian kes.

(bb) Jika plagiat TIDAK dapat dibuktikan selepas siasatan yang dijalankan, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah membuat keputusan mengenai tesis/disertasi yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya yang mengawal program pengajian calon berkenaan.

- (v) Keputusan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat Fakulti dan Senat.
- (vi) Keputusan Senat hendaklah dimaklumkan kepada calon. Calon boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan Fakulti dan/atau Senat mengikut prosedur yang ditetapkan di Bahagian Rayuan iaitu Rayuan Semakan Semula Keputusan Peperiksaan Tesis atau Disertasi di dalam Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya yang mengawal tahap pengajian berkenaan.

(c) Graduan

Bagi kes plagiat yang melibatkan graduan Universiti, proses pengendalian hendaklah dibuat berdasarkan Prosedur Kerja Pengendalian Pelucutan Ijazah, Diploma, Sijil dan Kepujian Akademik Lain Yang Telah Dianugerahkan kepada Siswazah Universiti Malaya Atas Alasan Plagiat (versi terkini).

(2) Penerbitan

(a) Penerbitan oleh Pelajar/Calon

- (i) Ketua PTj yang menerima borang Aduan Kes Plagiat hendaklah menyerahkannya kepada pensyarah/penyelia pelajar/calon berkenaan dengan segera.
- (ii) Pensyarah/penyelia berkenaan hendaklah mengemukakan laporan kepada Ketua PTj dalam tempoh satu (1) minggu dengan mengisi Laporan Plagiat mengenai hasil penerbitan pelajar/calon berkenaan.
- (iii) Setelah menerima laporan plagiat, Ketua PTj hendaklah mengemukakan surat tunjuk sebab kepada pelajar/calon berkenaan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penerimaan laporan jika hasil penerbitan berkenaan mempunyai elemen plagiat. Sekiranya tiada elemen plagiat dilaporkan, Ketua PTj hendaklah memaklumkan pengadu keputusan tersebut.
- (iv) Pelajar/calon perlu memberikan penjelasan bertulis dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh penerimaan surat tunjuk sebab.
- (v) Setelah Ketua PTj menerima maklum balas daripada pelajar/calon, JKSP PTj perlu dibentuk (rujuk Lampiran 3).
 - (A) Jika plagiat dapat dibuktikan, JKSP boleh memperakukan kepada Ketua PTj untuk tidak menerima penerbitan tersebut untuk memenuhi syarat pengijazahan calon atau keperluan kursus pelajar.
 - (B) Jika plagiat TIDAK dapat dibuktikan, penerbitan pelajar/calon hendaklah diterima oleh PTj.

- (vi) Laporan JKSP hendaklah dikemukakan kepada Ketua PTj selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh penerimaan laporan plagiat.
- (vii) Keputusan JKSP hendaklah dimaklumkan kepada pelajar/calon dan pengadu. Pelajar/calon boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan JKSP kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

(b) Penerbitan oleh Staf Akademik

Bagi penerbitan yang dikemukakan oleh staf akademik dan/atau staf penyelidik bagi memenuhi keperluan syarat perkhidmatan, yang disyaki mempunyai elemen plagiat, Ketua PTj hendaklah melaporkannya ke Unit Integriti untuk tindakan susulan.

Garis Panduan ini diluluskan oleh Senat pada 25.06.2020.